

Kajian Impak RTC dan mRTC Pahang

Fadzida Ismail, Yuserrie Zainuddin, Norazidah Shamsudin, Rozana Sahadan,
Ramle Abid, Saiful Bahri Ahmad Bakarim

Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang, Malaysia

Abstrak

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan mini RTC (mRTC) ialah pusat sehenti pelbagai perkhidmatan yang dibina oleh kerajaan dengan tujuan memberi kemudahan kepada penduduk sekitar luar bandar. RTC dan mRTC melaksanakan aktiviti-aktiviti bercorak nilai-tambah bagi memberi peluang ekonomi dan aktiviti sosial kepada penduduk setempat selari dengan inisiatif-inisiatif bersepadu yang diperkenalkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Objektif kajian ini adalah menilai impak RTC dan mRTC Pahang. Kajian ini meneroka keberkesanan kewujudan RTC dan mRTC Pahang dalam pembangunan ekonomi luar bandar dan masyarakat setempat melalui kaedah kuantitatif. Analisis dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan kategori responden iaitu penduduk setempat sebagai pengguna perkhidmatan dan pengurus RTC dan mRTC Pahang sebagai ejen pembekal perkhidmatan. Soalan dibahagikan kepada dua jenis impak iaitu impak terhadap sosial dan impak terhadap pendidikan. Secara umumnya, impak dari kewujudan RTC dan mRTC Pahang menunjukkan prestasi pencapaian yang tinggi iaitu mewujudkan pelbagai produk dan perkhidmatan, peningkatan peluang pekerjaan serta pertumbuhan perniagaan yang lebih berkembang. Impak RTC dan mRTC Pahang ke atas pendidikan juga menunjukkan prestasi tahap tinggi. Selain itu, impak pendidikan juga terkesan dari aspek meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap persekitaran. Kesimpulannya, RTC dan mRTC Pahang telah membantu meningkatkan kualiti dan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Abstract

Rural Transformation Centre (RTC) and mini RTC (mRTC) are one-stop centres built by the government to provide services for rural community. RTC and mRTC perform value-added activities oriented to provide economic and social opportunities to the community in line with the integrated initiatives introduced under the National Blue Ocean Strategy (NBOS). The objective of this study is to assess the impact of the RTC and mRTC Pahang. This study explores the effects of the existence of RTC and mRTC Pahang in the development of the rural economy and local communities through quantitative method. The analysis is divided into two parts based on the categories of respondents, namely the locals as the users and RTC and mRTC Pahang managers as the agents of the service provider. The questions are divided into two types, namely the social impact and the education impact. Generally, the impact of RTC and mRTC Pahang shows high performance standards which creates a variety of products and services, increment in job opportunities and business growth. The impact on education also shows a high level performance. In addition, the impact of education is important in the form of

awareness among the community towards the environment. In conclusion, RTC and mRTC Pahang have improved the quality and standard of living of the rural community.

PENGENALAN

Pusat Transformasi Luar Bandar atau lebih dikenali dengan singkatan RTC (*Rural Transformation Centre*) telah dilaksanakan pada pertengahan tahun 2011. Ia bertujuan untuk membangunkan penduduk luar bandar. RTC merupakan salah satu strategi kerajaan dengan menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy 4* (NBOS 4), bagi merialisasikan hasrat membangunkan penduduk luar bandar. Tujuan utama NBOS 4 adalah untuk melaksanakan program bagi meningkatkan taraf hidup dan menjana pendapatan penduduk luar bandar pada kos yang rendah dan pada tempoh masa yang singkat. Program Transformasi luar bandar (RTP) bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada penduduk luar bandar terhadap operasi Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dalam aspek ekonomi, sosial, teknologi dan pendidikan.

Sementara itu, di Zon Pantai Timur, terdapat tiga RTC yang telah beroperasi iaitu di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Di Pahang, RTC beroperasi di Kuala Pahang, dalam daerah Pekan dan berhampiran dengan Kompleks Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Pahang. Terdapat enam buah kampung di sekitar RTC Pahang dengan jumlah penduduk seramai 12,000 orang. Perkhidmatan yang ditawarkan di RTC Pahang seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, Kios Informasi 1 Malaysia, dan Klinik 1 Malaysia. Kemudahan yang disediakan untuk pengunjung adalah seperti bilik latihan dan mesyuarat, kafe dan wi-fi (internet tanpa wayar).

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai impak RTC Pahang dan mRTC Pahang terhadap aspek sosial dan aspek pendidikan. Kajian ini dijalankan untuk meneroka keberkesanan kewujudan RTC dan mRTC Pahang dalam pembangunan ekonomi luar bandar dan masyarakat setempat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif sebagai pendekatan untuk pengumpulan data. Kedua-dua pendekatan ini menunjukkan penumpuan penemuan sebagai satu cara untuk mengukuhkan data yang diperolehi dalam kajian ini serta menjelaskan apa-apa bukti kekurangan dalam kajian ini. Bagi kajian ini, penyelidik meneroka keberkesanan kewujudan RTC dalam pembangunan ekonomi luar bandar dan masyarakat setempat. Bagi kaedah kuantitatif, penyelidik menggunakan borang kaji selidik. Manakala, untuk kaedah kualitatif, penyelidik mengadakan temubual yang mendalam dikalangan responden untuk mengumpul maklum balas. Seterusnya, data dianalisis menggunakan perisian *SPSS for windows*. Analisis ini adalah untuk mendapatkan (1) profil sampel dari segi maklumat demografik, serta kesahihan dan kebolehpercayaan data; dan (2) analisis inferensi, termasuk analisis deskriptif dan ujian perbezaan.

Kajian di RTC Pahang menggunakan dua set borang kaji selidik yang telah disediakan dan digunakan bagi dua kategori responden. Set A ialah kaji selidik ke atas pengguna, manakala Set B ialah bagi Pengurus RTC dan Mini

RTC. Selain itu, maklumat juga didapati dari hasil temubual penyelidikan bersama pengurus RTC dan Mini RTC, kakitangan agensi, pengguna dan penduduk kampung dalam lingkungan 100km radius dari RTC Pahang.

Pengenalan kajian

Bab ini menjelaskan tentang prosedur analisis data kajian. Penerangan tentang kaedah penyelidikan serta kutipan data dilaporkan. Analisis statistik dapat memberi gambaran untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berasaskan soal selidik sebagai instrumen. Populasi kajian dikenalpasti melalui interaksi antara sampel dengan objek kajian iaitu Rural Transformation Centre (RTC) di Pahang. Responden terdiri daripada masyarakat tempatan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan aktiviti RTC dan Mini RTC (MRTC).

Data yang dikutip di RTC dan MRTC Pahang melalui persampelan bertujuan telah menghasilkan data sebanyak 204 untuk pengguna dan masyarakat yang berkepentingan kepada RTC. Manakala, tujuh lagi responden memaklumbalas soalselidik yang terdiri dari pengurus RTC dan MRTC. Sebanyak 50 set borang soalselidik telah diedarkan di RTC Pahang dan setiap tujuh MRTC yang berkedudukan dalam radius 100km dari RTC Pahang. Kadar respon berjumlah 51 peratus.

Analisis Prestasi & Impak Pusat Transformasi Luar Bandar Negeri Pahang

Jadual 3.3 menunjukkan penilaian responden (penduduk dan ketua komuniti/masyarakat) terhadap prestasi penduduk dan ekonomi setempat kesan daripada kewujudan RTC/MRTC di kawasan mereka. Secara keseluruhannya, responden memberi penilaian tinggi dengan keseluruhan min 3.01. Responden memberi penilaian tinggi dengan adanya RTC/MRTC di kawasan mereka, pendapatan masyarakat setempat meningkat (min 3.01), pertumbuhan perniagaan berkembang dan penawaran peluang pekerjaan meningkat (kedua-duanya min 3.05), mewujudkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan (min 3.10), simpanan kewangan masyarakat meningkat (min 3.01), jumlah jualan meningkat (min 3.02), dan membantu peniaga menjadi pesaing yang kuat (3.04). Manakala, kesan dari kewujudan RTC/MRTC yang diberi penilaian sederhana tinggi pula ialah berlaku penambahan modal (min 2.93), berlaku pertumbuhan kuantiti produk dihasilkan, kos berkurangan (min 2.98) dan peningkatan kuasa menawar (min 2.96).

Jadual 3.3:

Impak Prestasi kesan dari Kewujudan RTC/MRTC (Set A: Penduduk dan Ketua Komuniti)

BUTIRAN	KETERANGAN	MIN	KESELURUHAN
----------------	-------------------	------------	--------------------

			MIN
	Dengan adanya RTC/MRTC ini :-		3.01
57	Pendapatan meningkat	3.01	
58	Pertumbuhan perniagaan berkembang	3.05	
59	Penawaran peluang pekerjaan meningkat	3.05	
60	Mewujudkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan	3.10	
61	Berlaku penambahan modal	2.93	
62	Berlaku pertumbuhan kuantiti produk dihasilkan	2.97	
63	Menambah simpanan	3.01	
64	Kos berkurangan	2.98	
65	Peningkatan jualan	3.02	
66	Membantu peniaga menjadi pesaing yang kuat	3.04	
67	Meningkatkan kuasa menawar	2.96	

Maklumbalas daripada soalselidik yang direspon oleh pengurus RTC/MRTC, secara keseluruhannya, responden menilai impak prestasi kesan dari kewujudan RTC/MRTC di Pahang di tahap tinggi dengan keseluruhan min 3.08. Penilaian ini di tahap yang sama dengan penilaian yang diberi oleh komuniti am dan ketua komuniti dengan perbezaan min hanya 0.07. Bagi penilaian impak prestasi, penilaian paling tinggi diberikan ke atas pendapatan meningkat dan pertumbuhan perniagaan kian berkembang (kedua-dua min 3.29), berbeza dengan respon yang diberi oleh kumpulan komuniti am dan ketua komuniti yang menilai kewujudan kepelbagaian produk dan perkhidmatan sebagai impak prestasi paling tinggi. Selain itu, para responden yang terdiri daripada pengurus RTC/MRTC bersetuju dengan menilai di tahap tinggi bahawa terdapat peningkatan penawaran peluang pekerjaan, kepelbagaian produk dan perkhidmatan dapat diwujudkan, berlaku pertumbuhan kuantiti produk yang dihasilkan, dan kewujudan RTC/MRTC turut memberi kesan kepada peniaga menjadi pesaing yang kuat (setiap keterangan min 3.14). Responden turut menilai tinggi terhadap impak kewangan iaitu berlaku penambahan modal dan simpanan bertambah (min 3.00). Manakala, item berkaitan penyata pendapatan perniagaan dinilai paling rendah iaitu kos berkurangan dan jualan meningkat, dinilai sebagai sederhana tinggi (min 2.86) berbanding maklumbalas daripada komuniti am dan ketua komuniti yang menilai penambahan modal sebagai impak prestasi paling rendah.


Jadual 3.4:

Impak Prestasi kesan dari Kewujudan RTC/MRTC (Set B: Pengurus RTC/MRTC)

BUTIRAN	KETERANGAN	MIN	KESELURUHAN MIN
---------	------------	-----	-----------------

	Dengan adanya RTC/MRTC ini :-		3.08
84	Pendapatan meningkat	3.29	
85	Pertumbuhan perniagaan berkembang	3.29	
86	Penawaran peluang pekerjaan meningkat	4	
87	Mewujudkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan	3.14	
88	Berlaku penambahan modal	3.00	
89	Berlaku pertumbuhan kuantiti produk dihasilkan	3.14	
90	Menambah simpanan	3.00	
91	Kos berkurangan	2.86	
92	Peningkatan jualan	2.86	
93	Membantu peniaga menjadi pesaing yang kuat	3.14	
94	Meningkatkan kuasa menawar	3.00	

Semenjak kewujudan RTC/MRTC, pelbagai aktiviti telah dijalankan di kawasan sekitar yang membawa budaya positif kepada masyarakat setempat. Secara tidak langsung, aktiviti-aktiviti yang dijalankan mendidik penduduk setempat menjadi individu yang berilmu, bermotivasi dan berhalatuju. Merujuk Jadual 3.5 maklumbalas dari hasil kajian, responden memberi penilaian tinggi terhadap kesan kewujudan RTC/MRTC yang telah meningkatkan kemahiran mereka seperti peningkatan kemahiran, kecekapan tertentu, peningkatan hasil dan lain-lain (min 3.15). Selain itu, penilaian tinggi turut diberi kepada peningkatan kesedaran terhadap masyarakat dan persekitaran sekeliling seperti kepentingan kerjasama, gotong-royong, saling membantu dan kesukarelawanan (min 3.08). Selain itu, penilaian sederhana tinggi diberi kepada peningkatan tahap kesejahteraan seperti pengurangan kadar jenayah, peningkatan pencapaian akademik anak-anak, peningkatan taraf kesihatan dan lain-lain (min 2.92). Penilaian di tahap sederhana tinggi juga di beri kepada aspek peningkatan sosio-ekonomi seperti peningkatan peluang pekerjaan, peningkatan hakmilik hartanah, pembangunan ekonomi yang jelas dan lain-lain (min 2.96). Keseluruhan penilain terhadap impak pendidikan kesan kewujudan RTC/MRTC adalah tinggi dengan keseluruhan min 3.03.



Gambar 1 Perbandingan Impak Sosial antara Pengurus RTC/MRTC dengan Penduduk Kampung dan Ketua Komuniti

Perbandingan impak social antara pengurus RTC/MRTC dengan penduduk kampung dan ketua kampung adalah secara keseluruhannya, responden menilai impak prestasi kesan dari kewujudan RTC/MRTC di Pahang di tahap tinggi dengan keseluruhan min 3.08. Penilaian ini di tahap yang sama dengan penilaian yang diberi oleh komuniti am dan ketua komuniti dengan perbezaan min hanya 0.07. Bagi penilaian impak prestasi, penilaian paling tinggi diberikan ke atas pendapatan meningkat dan pertumbuhan perniagaan kian berkembang (kedua-dua min 3.29), berbeza dengan respon yang diberi oleh kumpulan komuniti am dan ketua komuniti yang menilai kewujudan kepelbagaian produk dan perkhidmatan sebagai impak prestasi paling tinggi. Selain itu, para responden yang terdiri daripada pengurus RTC/MRTC bersetuju dengan menilai di tahap tinggi bahawa terdapat peningkatan penawaran peluang pekerjaan, kepelbagaian produk dan perkhidmatan dapat diwujudkan, berlaku pertumbuhan kuantiti produk yang dihasilkan, dan kewujudan RTC/MRTC turut memberi kesan kepada peniaga menjadi pesaing yang kuat.

Semenjak kewujudan RTC/MRTC, pelbagai aktiviti telah dijalankan di kawasan sekitar yang membawa budaya positif kepada masyarakat setempat. Secara tidak langsung, aktiviti-aktiviti yang dijalankan mendidik penduduk setempat menjadi individu yang berilmu, bermotivasi dan berhalatuju. Merujuk Jadual 3.5 maklumbalas dari hasil kajian, responden memberi penilaian tinggi terhadap kesan kewujudan RTC/MRTC yang telah meningkatkan kemahiran mereka seperti peningkatan kemahiran, kecekapan tertentu, peningkatan hasil dan lain-lain (min 3.15). Selain itu, penilaian tinggi turut diberi kepada peningkatan kesedaran terhadap masyarakat dan persekitaran sekeliling seperti kepentingan kerjasama, gotong-royong, saling membantu dan

kesukarelawan (min 3.08). Selain itu, penilaian sederhana tinggi diberi kepada peningkatan tahap kesejahteraan seperti pengurangan kadar jenayah, peningkatan pencapaian akademik anak-anak, peningkatan taraf kesihatan dan lain-lain (min 2.92). Penilaian di tahap sederhana tinggi juga di beri kepada aspek peningkatan sosio-ekonomi seperti peningkatan peluang pekerjaan, peningkatan hakmilik hartanah, pembangunan ekonomi yang jelas dan lain-lain (min 2.96). Keseluruhan penilai terhadap impak pendidikan kesan kewujudan RTC/MRTC adalah tinggi dengan keseluruhan min 3.03.

Jadual 3.5:

Impak Pendidikan kesan dari Kewujudan RTC/MRTC (Set A: Penduduk dan Ketua Komuniti)

BUTIRAN	KETERANGAN	MIN	KESELURUHAN MIN
	Dengan adanya RTC/MRTC ini :-		3.03
68	Tahap kesejahteraan meningkat (contohnya kurang jenayah, peningkatan akademik anak-anak, peningkatan taraf kesihatan dan lain-lain)	2.92	
69	Berlaku peningkatan sosio-ekonomi (contoh : peluang pekerjaan, peningkatan hakmilik hartanah, pembangunan ekonomi yang jelas dan lain-lain)	2.96	
70	Meningkatkan kesedaran terhadap masyarakat dan persekitaran sekeliling (contoh : kerjasama, gotong-royong, saling membantu dan kesukarelawan)	3.08	
71	Meningkatkan kemahiran (contoh : peningkatan kecekapan tertentu, peningkatan hasil dan lain-lain)	3.15	

Pengurus RTC/MRTC menilai semua item bagi impak pendidikan pada tahap tinggi dengan keseluruhan min 3.39. Penilaian ini lebih tinggi daripada penilaian yang diberi oleh komuniti am dan ketua komuniti iaitu lebih tinggi sebanyak min 0.36. Pengurus sangat bersetuju dengan menilai di tahap tinggi ke arah sangat tinggi bagi impak meningkatkan kesedaran terhadap masyarakat dan persekitaran sekeliling (contohnya: kerjasama, gotong-royong, saling membantu dan kesukarelawan) dan juga berlaku meningkatkan kemahiran (contohnya: peningkatan kecekapan tertentu, peningkatan hasil dan lain-lain). Penilaian tertinggi ke atas dua kriteria tersebut turut dinilai paling tinggi oleh kumoulan komuniti am dan ketua komuniti. Pengurus turut menilai pada tahap tinggi pada keterangan berlakunya peningkatan sosio-ekonomi seperti peningkatan peluang pekerjaan, pertambahan hakmilik hartanah, dan pembangunan ekonomi yang jelas. Selain itu, responden bersetuju bahawa tahap kesejahteraan meningkat kesan dari


kewujudan RTC/MRTC dengan terihatnya impak pengurangan kadar jenayah, peningkatan akademik anak-anak, peningkatan taraf kesihatan dan lain-lain.

Jadual 3.6:

Impak Pendidikan kesan dari kewujudan RTC/MRTC (Set B: Pengurus RTC/MRTC)

BUTIRAN	KETERANGAN	MIN	KESELURUHAN MIN
	Dengan adanya RTC/MRTC ini :-		3.39
95	Tahap kesejahteraan meningkat (contohnya kurang jenayah, peningkatan akademik anak-anak, peningkatan taraf kesihatan dan lain-lain)	3.14	
96	Berlaku peningkatan sosio-ekonomi (contoh : peluang pekerjaan, peningkatan hakmilik hartanah, pembangunan ekonomi yang jelas dan lain-lain)	3.29	
97	Meningkatkan kesedaran terhadap masyarakat dan persekitaran sekeliling (contoh : kerjasama, gotong-royong, saling membantu dan kesukarelawanan)	3.57	
98	Meningkatkan kemahiran (contoh : peningkatan kecekapan tertentu, peningkatan hasil dan lain-lain)	3.57	

Secara umumnya, impak dari kewujudan RTC/MRTC Pahang menunjukkan prestasi yang tinggi di mana pencapaian tertinggi berdasarkan kepada soal selidik iaitu mewujudkan pelbagai produk dan perkhidmatan, penawaran peluang pekerjaan yang dapat ditingkatkan serta pertumbuhan perniagaan yang lebih berkembang. Manakala bagi impak RTC/MRTC ke atas pendidikan menunjukkan prestasi yang juga di tahap tinggi yang mana penilaian tertinggi diberi ke atas peningkatan kemahiran dan kecekapan tertentu yang menjurus ke arah peningkatan hasil. Selain itu, impak pendidikan juga terkesan dari aspek meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan masyarakat dan persekitaran.



Gambar 2 Perbandingan Impak Pendidikan antara Pengurus RTC/MRTC dengan Penduduk dan Ketua Komuniti

Semenjak kewujudan RTC/MRTC, pelbagai aktiviti telah dijalankan di kawasan sekitar yang membawa budaya positif kepada masyarakat setempat. Secara tidak langsung, aktiviti-aktiviti yang dijalankan mendidik penduduk setempat menjadi individu yang berilmu, bermotivasi dan berhalatuju. Merujuk Jadual 3.5 maklumbalas dari hasil kajian, responden memberi penilaian tinggi terhadap kesan kewujudan RTC/MRTC yang telah meningkatkan kemahiran mereka seperti peningkatan kemahiran, kecekapan tertentu, peningkatan hasil dan lain-lain. Pengurus RTC/MRTC menilai semua item bagi impak pendidikan pada tahap tinggi daripada penilaian yang diberi oleh komuniti am dan ketua komuniti. Pengurus sangat bersetuju dengan menilai di tahap tinggi ke arah sangat tinggi bagi impak meningkatkan kesedaran terhadap masyarakat dan persekitaran sekeliling (contohnya: kerjasama, gotong-royong, saling membantu dan kesukarelawanan) dan juga berlaku peningkatan kemahiran (contohnya: peningkatan kecekapan tertentu, peningkatan hasil dan lain-lain).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, RTC/MRTC memberi impak yang besar kepada masyarakat setempat. Melalui analisis yang dihasilkan melalui kajian tinjauan, mendapati bahawa kewujudan RTC/MRTC amat signifikan di kalangan penduduk setempat. Ini adalah kerana tanggungjawab yang disumbangkan dapat memberi impak kepada peningkatan taraf hidup, kegiatan ekonomi, meningkatkan prestasi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk setempat selain dari aspek pendidikan.

Untuk penyelidik pada akan datang disyorkan untuk mengeksplotasi prinsip kesukarelawanan dan gotong-royong yang dijelmakan melalui budaya dan adat di sesebuah masyarakat di negara ini. Budaya nasional yang diasaskan kepada semangat bekerjasama yang masih utuh memberi daya saing yang penting dalam menggiatkan aktiviti di bawah NBOS di RTC dan MRTC dengan melibatkan segenap lapisan masyarakat tanpa mengira fahaman politik, agama dan bangsa.

RUJUKAN

Becker, Hilary. "Using Blue Ocean Strategy in Performance Evaluation." *International Journal of Strategic Management* 10 (2010).

Burke, Andrew, A. van Stel, and R. Thurik. "Blue Ocean Strategy versus Competitive Strategy: Theory and Evidence." *ERIM Report Series Research in Management* (May 2009).

Prime Minister Department (2015). *National Blue Ocean Strategy*. Malaysia.